

PELANCARAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORANG KURANG UPAYA

DEWAN TUN DR ISMAIL, PWTC, KUALA LUMPUR, 12 JANUARI 1996

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana menjemput saya untuk merasmikan satu majlis yang penuh bermakna khusus bagi mereka yang kurang upaya. Kita akan meninjau pencapaian dan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh mereka dalam pelbagai bidang kehidupan semasa mengharungi arus kemajuan negara.

2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penganjur majlis, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah selama lima puluh tahun menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk mereka yang kurang upaya dan meletakkan mereka pada tempat yang hak dan mulia.

3. Saya yakin kehadiran kita semua di sini membuktikan kesungguhan serta komitmen tinggi kita untuk membawa bersama - sama orang kurang upaya menuju ke era kegemilangan dan kecemerlangan di samping memantapkan tindakan kita mewujudkan sebuah masyarakat penyayang dan prihatin terhadap semua golongan masyarakat.

4. Sebagai sebuah negara yang prihatin kepada kehendak dan keperluan semua lapisan anggota masyarakatnya, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menetapkan 3 Disember setiap tahun mulai 1994 sebagai Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengisytiharkan setiap 3 Disember sebagai Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa. Semangat pengisytiharan tersebut antara lainnya adalah bertujuan:

i) Memberi kesedaran di kalangan orang ramai bahawa orang kurang upaya sebagai individu dalam sesebuah masyarakat juga mempunyai hak yang sama di dalam masyarakat tersebut dan mereka tidak seharusnya dilihat sebagai satu beban kepada masyarakat;

ii) Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mereka kepada orang yang kurang upaya atau "disabled" dan seterusnya menggerakkan komuniti untuk mengambilkira masalah mereka ini dengan mengadakan kemudahan sesuai dengan keupayaan mereka;

iii) Memperhitungkan kebolehan, keupayaan dan kemahiran mereka dalam usaha mengintegrasikan mereka dalam masyarakat;

iv) Merapat serta mengukuhkan lagi hubungan diantara Kerajaan, badan-badan Sukarela, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak

swasta dalam memberikan pelbagai khidmat dan kemudahan untuk orang kurang upaya; dan

v) Mendedah serta memaklumkan kepada orang ramai akan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dan badan-badan sukarela untuk orang kurang upaya.

5. Pada hari yang bersejarah ini kita akan bersama-sama bukan sahaja menghayati semangat dan matlamat pengisytiharan tersebut, malah memperakui realiti pencapaiannya dalam konteks program dan aktiviti pembangunan untuk orang kurang upaya di negara ini. Usaha ke arah penyertaan penuh dan penyamaan peluang dalam pelbagai bidang kehidupan untuk orang kurang upaya adalah berteraskan falsafah bahawa orang kurang upaya mempunyai hak yang sama dengan warganegara- warganegara lain; terdapatnya peluang pekerjaan yang menyeluruh; penyertaan sama dalam membuat sesuatu keputusan; normalisasi dan sosialisasi; perluasan kemudahan khas (accessibility) dan juga wujudnya kemudahan rekreasi dan aktiviti kebudayaan untuk orang kurang upaya.

6. Sesungguhnya perkembangan negara pada masa ini memungkinkan kita mencapai matlamat serta falsafah tersebut dan membawa golongan mereka yang kurang upaya pada tahap yang sukar untuk dipertikaikan kecemerlangan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Pencapaian ini adalah sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menandatangani Proklamasi Penyertaan yang Menyeluruh dan Penyamaan Peluang Bagi Orang Kurang Upaya pada 16 Mei 1994 bersama-sama anggota ESCAP yang lain.

7. Kecacatan seseorang bukanlah penghalang untuknya maju dan bergerak sama dalam membangunkan sesebuah negara. Kurang upaya bukan dan tidak perlu dilihat sebagai suatu masalah dalam konteks pembangunan sosial ataupun ekonomi. Iklim serta suasana keliling masyarakat yang mempunyai dinamisma positif kepada orang kurang upaya daripada segi penerimaan dan sokongan yang diberi serta memahami keperluan dan kehendak mereka yang kurang upaya memungkinkan pelbagai potensi pencapaian yang kita sendiri tidak menduganya pada suatu masa dahulu.

8. Apakah kita pernah menduga pada tiga dekad yang lalu bahawa negara ini dapat melahirkan cendekiawan dan juga para profesional di kalangan mereka yang kurang upaya? Apakah kita terbayang dua atau tiga dekad yang lalu bahawa negara ini dapat melahirkan para atlit di kalangan mereka yang kurang upaya? Apakah juga pernah kita fikirkan bahawa anak- anak kita yang kurang upaya pendengaran dapat menghayati irama lagu bersama anggota masyarakat lain yang normal? Penggembengan usaha di antara Kerajaan, badan-badan sukarela kebajikan,

pihak swasta dan juga orang perseorangan sejak beberapa tahun yang lalu telah menghasilkan bukan sahaja cendekiawan dan profesional di kalangan mereka yang kurang upaya, malah kini terdapat para atlit, usahawan dan juga pelukis yang terdiri daripada mereka yang kurang upaya yang berjaya dalam bidang masing-masing. Walaupun jumlah mereka masih kecil namun ianya merupakan suatu permulaan yang kukuh ke arah pencapaian kecemerlangan yang lebih tinggi dan meluas lagi pada dekad-dekad yang akan datang.

9. Saya percaya melalui perancangan yang rapi dan penyusunan program dan aktiviti yang menepati keperluan dan kehendak mereka yang kurang upaya beserta dengan komitmen semua pihak ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang benar-benar penyayang, bukanlah sesuatu yang mustahil untuk negara ini menjadi model bagi kecemerlangan orang kurang upaya di rantau ini dalam tempoh yang singkat. Saya percaya dan yakin bahawa tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat dan hadir pada hari ini boleh melakukannya.

10. Pada masa ini terdapat kira-kira 55,700 orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan sebilangan besarnya iaitu kira-kira 19,360 terdiri daripada mereka yang kurang upaya anggota, 15,700 kurang upaya akal, 10,460 kurang upaya pendengaran dan 10,150 kurang upaya penglihatan. Jumlah orang kurang upaya yang berdaftar di negara ini adalah jauh kurang daripada anggaran satu peratus penduduk negara sebagaimana yang diandaikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Namun, semenjak dilancarkan Tahun Antarabangsa Orang Kurang Upaya pada tahun 1981 dan diikuti pula dengan Dekad Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Orang Kurang Upaya, Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar dan program untuk meningkatkan kualiti hidup di kalangan mereka yang kurang upaya. Antara program-program yang dijalankan termasuklah aktiviti pencegahan, pendidikan khas, rancangan latihan dan pemulihan dan berbagai-bagai lagi kemudahan yang boleh memanfaatkan orang kurang upaya.

11. Walaupun banyak kemajuan telah dicapai selaras dengan "World Programme of Action" namun masih terdapat lagi pelbagai isu yang perlu ditangani dalam usaha Kerajaan untuk merealisasikan sepenuhnya penyertaan dan penyamaan peluang di kalangan mereka yang kurang upaya. Sememangnya pengisian program ini memperlihatkan penyertaan semua pihak di semua peringkat pelaksanaan. Pengisian satu peratus peluang pekerjaan bagi mereka yang kurang upaya di sektor awam perlulah dilaksanakan dengan lebih agresif lagi dan sektor swasta juga harus mencontohnya. Adalah dipercayai dengan wujudnya peluang pekerjaan di kalangan mereka yang kurang upaya dan pengambilan mereka bekerja tanpa sebarang prasangka negatif bukan sahaja memungkinkan taraf kehidupan yang lebih

baik dan selesa malah memberikan jaminan masa depan yang lebih meyakinkan bagi generasi yang akan datang di kalangan orang kurang upaya khususnya.

12. Sehubungan itu, keprihatinan Kerajaan terhadap mereka yang kurang upaya jelas terbukti menerusi pembentangan Belanjawan 1996 yang memberikan pengecualian cukai pendapatan kepada keluarga yang mempunyai anak kurang upaya daripada RM1,600 seorang kepada RM5,000 seorang. Pelepasan cukai juga diberikan kepada pembelian alat bantuan asas daripada maksimum RM3,000 kepada RM5,000 serta potongan cukai bayaran perubatan daripada RM1,000 kepada RM5,000. Di samping itu terdapat juga kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan selaras dengan semangat "The Agenda For Action for the Asian and Pacific Decade of Disabled Persons, 1993-2003" dalam konteks penyediaan "access" kepada kemudahan di tempat-tempat kerja, kediaman dan bangunan awam serta sistem pengangkutan awam yang bersifat "Disabled Friendly". Usaha ke arah ini telah pun dijalankan apabila pindaan dibuat ke atas "Uniform Building By-Laws 1984" yang antara lainnya menepati ciri-ciri yang terdapat dalam "Code of Practice for Access for Disabled People to Public Buildings" diluluskan pada tahun 1990 dan diterimapakai oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri.

13. Namun, saya difahamkan bahawa "Code of Practice for Disabled People Outside Building 1993" masih dalam proses untuk dilaksanakan dan saya mengharapkan ianya dapat dilaksanakan sewajarnya. Semuanya ini membuktikan kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan lagi martabat mereka yang kurang upaya sejajar dengan Wawasan 2020 yang kita semua secara gigih dan sedar berusaha menjayakannya. Saya juga percaya bahawa orang kurang upaya sedar akan tanggungjawab mereka sebagai warganegara untuk terus memberikan sumbangan mereka yang sewajarnya dalam pelbagai bidang yang melibatkan mereka. Peranan Kerajaan dalam konteks ini adalah jelas untuk memberikan sokongan dan panduan kepada usaha-usaha semua golongan masyarakat untuk berdikari serta mengamalkan budaya ikram yang berteraskan pembangunan insan dan sekaligus mengimbangi pembangunan ekonomi dan kebendaan yang begitu pesat dan rancak pada masa ini.

14. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan Majlis hari ini dan saya berdoa semoga segala usaha yang disumbangkan itu akan membawa manfaat kepada kita semua dan diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dan dengan lafaz "bismillahir rahmanir rahim" sukacita saya merasmikan Majlis Kecemerlangan Orang Kurang Upaya 1996.